

Headline	Pintar Haji tarik minat pelajar		
MediaTitle	Kosmo	Color	Full Color
Date	08 Apr 2016	Circulation	197,202
Section	Negara	Readership	875,000
Page No	4	ArticleSize	233 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 6,047
Journalist	Manirah Othman	PR Value	RM 18,141
Frequency	Daily		



# Pintar Haji tarik minat pelajar

Oleh MANIRAH OTHMAN

**BERMATLAMAT** menarik minat para pelajarnya untuk mempelajari tentang rukun Islam kelima iaitu menunaikan haji, Jasmi Amin, 37, guru Pendidikan Islam dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Malim, Perak telah mencipta satu permainan dikenali sebagai Pintar Haji.

Menurut Jasmi, tidak sukar baginya ketika mengajar tentang bab solat dan puasa kerana ia boleh dipraktikkan pelajar, namun berlainan pula peneriman mereka apabila tiba masa dia mengajar tentang bab haji.

“Selepas lebih 10 tahun mengajar, saya mendapati pada 20 minit pertama pelajar menunjukkan minat. Namun, ia akan berkurangan selepas itu kerana mereka tidak boleh mempraktikkannya kecuali dengan pergi mengerjakan haji di Mekah,” katanya.

Justeru Jasmi berkata, dia perlu memikirkan satu kaedah untuk menarik minat pelajar sehingga tercetusnya ilham untuk mencipta satu teknik pembelajaran yang menyeronokkan selain memudahkan pelajar faham dan ingat tentang subjek yang diajar.

“Selepas melalui beberapa peringkat semakan dan pembetulan, akhirnya ciptaan inovasi dinamakan sebagai Pintar Haji ini yang dapat dipraktikkan kepada pelajar dan seterusnya berjaya menarik minat mereka,” katanya.

Dilihamkan daripada permainan monopoli, Pintar Haji membabitkan empat orang pelajar dan mereka akan bermain

pada satu-satu masa dengan melalui semua rukun haji mengikut turutan.

Seorang lagi pelajar dilantik sebagai pemegang amanah iaitu sebagai penjaga kad imuniti,

duit dan juga buku jawapan untuk soalan uji minda.

Menurut Jasmi, menerusi permainan tersebut, pelajar akan turut diberi talian hayat serta tiga set soalan berbeza untuk menambah keseronokan dan cabaran, namun dalam masa sama mereka belajar tentang Rukun Islam kelima itu.

“Sebagai permulaan, pelajar boleh menggunakan set soalan yang mudah dan menukarnya dengan set yang lebih sukar untuk pusingan seterusnya yang mana set soalan yang disediakan adalah mengikut sukanan pelajaran mereka.

“Set soalan ketiga adalah paling sukar kerana saya perlu merujuk Lembaga Tabung Haji dan di luar daripada sukanan pelajaran tingkatan empat, namun ia digunakan oleh jemaah Malaysia ketika menunaikan haji di Me-

kah,” katanya.

Pintar Haji turut diiktiraf dan melayakkan Jasmi menerima Anugerah Guru Inovatif Peringkat Negeri Melaka 2013 dan Anugerah Guru Inovatif Peringkat Kebangsaan 2014.



JASMI mendapat ilham mencipta permainan Pintar Haji selepas menghadapi kesukaran untuk mendapatkan alatan bantuan mengajar bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di pasaran.